

03 MAY 1997

Mahathir-Botswana

MAHATHIR TIBA DI BOTSWANA UNTUK LAWATAN RASMI

GABORONE (BOTSWANA), 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk mengadakan lawatan rasmi lima hari ke Botswana bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan meninjau peluang perniagaan di negara itu.

Perdana Menteri sebelum ini berada di Blantyre untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke sebuah lagi republik selatan Afrika, Malawi sebagai sebahagian daripada siri lawatan selama seminggu ke tiga buah negara selatan Afrika yang turut merangkumi Afrika Selatan.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Sir Seretse Khama di ibu kota Botswana pada kira-kira pukul 11 pagi (5 petang waktu Malaysia). Ketibaan mereka disambut oleh Presiden Botswana Sir Ketumile Masire dan isterinya, Lady Gladys Masire.

Pada upacara sambutan rasmi itu, Dr Mahathir menerima penghormatan permaidani merah. Beliau kemudiannya memeriksa satu perbarisan kehormat.

Yang turut serta dalam rombongan 31 orang itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan tokoh-tokoh korporat yang diketuai pengerusi Kumpulan Arab Malaysia Tan Sri Azman Hashim.

Dr Mahathir dijadual berunding dengan Presiden Botswana hari ini dan diikuti mesyuarat dua hala peringkat delegasi.

Selepas pertemuan itu, Dr Mahathir akan melawat Muzium dan Galeri Seni Negara sebelum mengadakan satu sesi dialog dengan ahli perniagaan Malaysia dan Botswana di Hotel Grand Palm di sini pada pukul 5.15 petang (kira-kira pukul 11.15 malam waktu Malaysia).

Pada hari Ahad, Dr Mahathir akan menerima kunjungan hormat berasingan pemimpin Pembangkang Dr K.K.Koma dan Speaker Parlimen Negara M.P.K.Nwako.

Pada hari yang sama, Perdana Menteri akan berlepas dengan kapal terbang ke Kasane, sebuah bandar yang terletak kira-kira 1,300 km ke utara ibu kota Botswana, untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika pertama yang berlangsung selama tiga hari.

Pada hari Isnin, pemimpin Malaysia itu dijadual menyampaikan ucapan khas pada dialog itu.

Konsep dialog itu adalah sama dengan Dialog Antarabangsa Langkawi mengenai Kerjasama Pintar antara sektor awam dan swasta yang diadakan pada Julai tahun lepas.

Perdana Menteri dan rombongannya dijadualkan berlepas dari Gaborone ke Afrika Selatan pada hari Rabu.

Botswana, sebuah negara yang terletak di bahagian tengah tanah tinggi selatan Afrika, dikelilingi di sebelah barat dan utaranya oleh Namibia, Zambia dan Zimbabwe di timur laut serta Afrika Selatan di sebelah selatan. Kira-kira separuh daripada negara seluas 600,360 km persegi itu diliputi oleh Gurun Kalahari yang terletak di bahagian baratnya. Republik itu mempunyai hampir 1.6 juta penduduk.

Botswana ialah negara pengeluar berlian terbesar dari segi nilainya di dunia.

Perdagangan Malaysia dengan Botswana pada 1996 meningkat kepada RM1.35 juta daripada RM540,000 pada 1995. Eksport ke Botswana bernilai RM1.35 juta manakala import dari Botswana adalah sangat kecil iaitu kira-kira RM308.

Imbangan perdagangan antara kedua-dua negara ialah RM1.35 juta yang berpihak kepada Malaysia.

Eksport utama Malaysia ke Botswana pada 1996 ialah ubat-ubatan (RM1.3 juta) atau 96.2 peratus daripada jumlah eksport ke Botswana. Bahan-bahan

lain yang dieksport ialah barangan plastik, sabun, bahan asas pencuci dan pengilat serta perabut.

Import Malaysia dari Botswana pada 1995 ialah pam dan binatang hidup (untuk kegunaan zoo) yang bernilai RM91,000. Import pada 1996 tidak diklasifikasikan kerana terlalu kecil.

Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dilaporkan telah menyatakan minatnya untuk memperluaskan pasaran eksportnya di Afrika termasuk Botswana, bagi menghadapi kemungkinan permintaan yang turun-naik di pasaran Malaysia.

-- BERNAMA

ES MZ AHH